

**KARAKTER MANUSIA TIDAK BERIMAN: KAJIAN ANALISIS  
 BERDASARKAN KALIMAH BASAR DI DALAM AL-QURAN**

*Understanding of Human Character: Analysis Study Based on The Sight Case in  
 The Quran*

Abdoul Karim Toure<sup>i</sup>, Ahmad Kamel Mohamed<sup>ii</sup>, Abd Muhaimin Ahmad<sup>iii</sup>, Robiatul  
 Adawiyah Mohd<sup>iv</sup>, Norzulaili Mohd Ghazali<sup>v</sup> & Norazimas Idayu Ahmad<sup>vi</sup>

<sup>i</sup> Senior lecturer, Faculty of Quranic and Sunnah Studies. karim.toure@usim.edu.my

<sup>ii</sup> Senior lecturer, Faculty of Quranic and Sunnah Studies. kamel@usim.edu.my

<sup>iii</sup> Senior lecturer, Faculty of Quranic and Sunnah Studies. muhaimin@usim.edu.my

<sup>iv</sup> Senior lecturer, Faculty of Quranic and Sunnah Studies. adawiyah@usim.edu.my

<sup>v</sup> Senior lecturer, Faculty of Quranic and Sunnah Studies. norzulaili@usim.edu.my

<sup>vi</sup> Post-graduate student, Faculty of Quranic and Sunnah Studies. norazimas@gmail.com

Article Progress

Received: 30 Oktober 2018

Revised: 25 December 2018

Accepted: 26 December 2018

| <b>Abstrak</b>   | <b>Abstract</b>  |
|--|--|
| <p><i>Al-Quran merupakan kitab pedoman bagi setiap umat Islam dan terkandung di dalamnya ilmu yang merangkumi setiap aspek kehidupan. Jelas dinyatakan di dalam Al-Quran tiga jenis golongan yang berbeza penerimaan terhadapnya. Tiga jenis golongan manusia yang disebutkan terdiri daripada golongan mukmin yang beriman dengan segala isi kandungannya, golongan kafir yang mutlak dalam menolak dan mengingkari kebenaran dan menentang al-Quran, juga golongan munafik yang meragukan al-Quran dan menggunakannya dalam penipuan mereka. Keperluan memahami hakikat setiap golongan menurut perspektif al-Quran amatlah penting. Justeru, kajian terhadap golongan yang tidak beriman dilakukan bagi memahami hakikat sebenar golongan ini. Kajian ini cuba untuk mengeluarkan pola pengekstrakan bagi kalimah Basar bagi manusia tidak beriman yang melibatkan keseluruhan ayat di dalam al-Quran. Kajian</i></p> | <p><i>The Qur'an contains almost braches of knowledge and courses or fields of studies. It also covers every aspects of life. Obviously, it is stated in the Qur'an that there are three different types of admission to it. The three types of human beings to comprise; the believers who believe in all its contents, the infidels who absolutely in rejecting and denying the truth and opposing the Qur'an and its message, as well as the hypocrites who use the Qur'an and twist it to suit and justify their fraud. The need to understand the essence of each group according to the perspective of the Qur'an is very important. Hence, the study of the unbelievers is done to understand the true nature of this group. This study attempts to extract the pattern of extraction for the Basar word for unbelieving people which involves the entire verse in the Qur'an. This research is a qualitative study using summative content analysis method. Findings show that, the Basar sentence for the human</i></p> |

|   |  |
|---|--|
| <p>ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah sumatif content analysis. Hasil kajian menunjukkan bahawa kalimah Basar bagi kategori manusia tidak beriman menerangkan tentang; (i) sifat-sifat golongan ini, (ii) faktor-faktor penyebab penolakan al-Quran, dan (iii) balasan-balasan yang telah disediakan Allah SWT buat golongan ini di dunia mahupun di akhirat kelak.</p> <p><b>Kata kunci:</b> Manusia Tidak Beriman, Basar, Al-Quran, Makna Kontekstual, Pola.</p> | <p>category does not tell us about; (i) the attributes of this group, (ii) the factors that cause the rejection of the Qur'an, and (iii) the rewards that Allah has provided and reserved for this group in the world or the hereafter.</p> <p><b>Keyword(s):</b> Human, Sight, Basar, Characters.</p> |
|---|--|

## PENDAHULUAN

Dewasa ini, terdapat pelbagai kajian tentang kalimah-kalimah yang terdapat di dalam al-Quran. Kajian yang dijalankan perlulah berdasarkan kepada metodologi yang telah ditetapkan supaya hasil dapatan kajian memberi kefahaman yang benar dalam sesuatu topik yang dibincangkan.

Terdapat pelbagai cara dalam memahami al-Quran dengan menggunakan metode pentafsiran al-Quran yang pelbagai. Metode pentafsiran ini dapat diklasifikasikan kepada empat jenis iaitu; *ijmali* (umum), *tahlili* (analitik), *muqaran* (perbandingan) dan *mawdhu'i* (tematik) (Al-Kholidiy, 2012). Ulama terdahulu menggunakan metode yang berbeza dalam memahami isi kandungan al-Quran. Mereka menumpukan kepada pentafsiran ayat secara analitik (*tahlili*) berbanding dengan ulama kontemporari yang menekankan kepada pentafsiran secara tematik (*mawdhu'i*). Justeru, kajian ini menggunakan penekanan secara tematik berdasarkan kepada kalimah *Basar* yang memfokus perbincangan kepada manusia tidak beriman menurut persepektif al-Quran.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian terhadap kalimah-kalimah yang terdapat di dalam al-Quran semakin mendapat perhatian dalam perbincangan dan kajian ahli-ahli akademik. Di antaranya kalimah *al-ummah* (Ahmad Hasan Farahat, 1983), *al-sabr* (Qardawi, 1989), *al-rushd* dan *al-ghay* (al-Qarghuli, 2007) dan sebagainya.

Terkini, kajian terhadap ayat-ayat yang terkait dengan kalimah *Basar* di dalam al-Quran menjadi topik perbincangan di dalam seminar dan artikel-artikel berkaitan juga telah diterbitkan. Kalimah *Basar* yang terdapat di dalam al-Quran bukan sahaja ditujukan untuk manusia, tetapi meluas kepada makhluk yang lain (Sempo & et al, 2018) juga merupakan di antara 99 nama Allah SWT (Mohd, 2017). Manakala, kajian ini memfokuskan kepada karakter orang tidak beriman berdasarkan kepada kalimah *Basar* yang terdapat di dalam al-Quran.

Karakter atau di dalam bahasa arab disebut *syakhsiah* membawa maksud sifat-sifat yang membezakan seseorang dengan yang lain (Mostafa & et al, t.t).

Secara umumnya, karakter dapat didefinisikan sebagai ciri-ciri manusia yang membezakan seseorang dengan yang lain. Pengertian ini tidak terhad kepada sifat-sifat fizikal tetapi meluas kepada sudut psikologi, sosial dan mental. Ianya juga merupakan ciri-ciri istimewa yang membezakan seseorang dari sudut kepercayaan, emosi, perasaan, tingkah laku, hubungan sosial, cara pemikiran dan tindakannya (Salaam, 2007).

Karakter bagi manusia tidak beriman ada disebutkan di pelbagai tempat di dalam al-Quran, di antaranya sebagaimana firman Allah swt yang bermaksud: “*Sesungguhnya orang-orang kafir, sama saja bagi mereka, kamu beri peringatan atau tidak kamu beri peringatan, mereka tidak akan beriman (6) Allah telah mengunci mati hati dan pendengaran mereka dan penglihatan mereka ditutup. Dan bagi mereka siksa yang amat berat*” (Surah al-Baqarah: Ayat 6-7). Ayat ini menjelaskan bahawa orang-orang yang tidak beriman ini sama sekali tidak akan mendapat petunjuk dan tidak akan mendapat kebaikan dari kitab suci al-Quran, juga dengan peringatan yang telah diberikan oleh Rasulullah saw (Zamakhsyari, Mahmud Umar. 2008).


## ANALISIS DATA

### *Basar* Di Dalam Al-Quran

Kajian ini mengguna pakai metodologi *sumatif content analysis* menggunakan sampel kalimah *Basar* dan pecahannya di dalam al-Quran. Secara keseluruhannya terdapat 148 kalimah *Basar* dan pecahannya dalam al-Quran. 39 kalimah dalam surah Madaniyyah dan 109 kalimah dalam surah Makkiyyah

### Kalimah *Basar* Bagi Kategori Manusia Tidak Beriman

Berdasarkan kepada kajian ke atas kalimah *Basar* dan pecahannya di dalam al-Quran, terdapat hanya 21 kali pengulangan bagi kategori manusia tidak beriman merangkumi golongan kafir dan munafiq. Sebanyak 17 kali pengulangan didapati di dalam surah Makkiyyah dan 4 kali pengulangan di dalam surah Madaniyyah yang kesemuanya dalam surah al-Baqarah, dan ia merupakan surah yang paling tinggi kadar pengulangan kalimah *Basar* di dalam al-Quran. Hasil pengekstrakan perkataan *Basar* dan pecahannya adalah seperti rajah dan jadual di bawah.



Rajah 1: Pengekstrakan Kalimah Basar dan Pecahannya bagi kategori Manusia Tidak Beriman di dalam Surah Makkiyyah

Berikut adalah senarai kalimah *Basar* yang berkaitan manusia tidak beriman di dalam ayat dan surah *Makkiyyah*:

| Bil | Surah/ Ayat  | Ayat Al-Quran  | Terjemahan   |
|-----|--------------|--|--|
| 1.  | Al-An'am: 50 | <p>قُلْ لَّا أَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي خَزَائِنُ اللَّهِ وَلَا أَعْلَمُ الْغَيْبَ وَلَا أَقُولُ لَكُمْ إِنِّي مَلَكٌ ۖ إِنِّ اتَّبَعُ إِلَّا مَا يُوحَىٰ إِلَيَّ ۚ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الْأَعْمَىٰ وَالْبَصِيرُ ۗ أَفَلَا تَتَفَكَّرُونَ ﴿٥٠﴾</p> | <p>50. Katakanlah (Wahai Muhammad); "Aku tidak mengatakan kepada kamu (bahawa) perbendaharaan Allah ada di sisiKu, dan Aku pula tidak mengetahui perkara-perkara Yang ghaib; Aku juga tidak mengatakan kepada kamu bahawasanya Aku ini malaikat, Aku tidak menurut melainkan apa Yang diwahyukan kepadaku". Bertanyalah (kepada mereka): "Adakah sama orang Yang buta Dengan orang Yang celik? tidakkah kamu mahu berfikir?"</p> |
| 2.  | Yunus: 43    | <p>وَمِنْهُمْ مَّن يَنْظُرُ إِلَيْكَ ۖ أَفَأَنْتَ تَهْدِي الْعُمْمَىٰ وَلَوْ كَانُوا لَا يُبْصِرُونَ ﴿٤٣﴾</p>  | <p>43. Dan di antara mereka pula ada Yang memandang kepada perkara-perkara Yang Engkau tunjukkan (tetapi mereka tidak nampak kebenarannya sebagai</p>  |


|    |                |   |   |
|----|----------------|---|---|
|    |                |   | orang buta); maka Engkau (Wahai Muhammad) tidak berfaedah menunjuk jalan kepada orang-orang Yang buta, juga kalau mereka menjadi orang-orang Yang tidak mahu melihat (perkara Yang Engkau tunjukkan itu).   |
| 3. | Hud:<br>20     | <p>أُولَئِكَ لَمْ يَكُونُوا مُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ وَمَا كَانَ لَهُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ أَوْلِيَاءَ يُضْعِفُ لَهُمْ الْعَذَابُ مَا كَانُوا يَسْتَطِيعُونَ السَّمْعَ وَمَا كَانُوا يُبْصِرُونَ ﴿٢٠﴾</p> | 20. Mereka itu tidak akan dapat melemahkan kekuasaan Allah daripada menimpakan mereka Dengan azab di dunia, dan tidak ada pula bagi mereka, Yang lain dari Allah, sesiapaupun Yang dapat menolong melepaskan mereka dari seksaNya. azab untuk mereka akan digandakan (kerana mereka sangat bencikan jalan ugama Allah), sehingga mereka tidak tahan mendengarnya, dan tidak pula suka melihat tanda-tanda kebenarannya. |
| 4. | Hud:<br>24     | <p>﴿٢٤﴾ مَثَلُ الْفَرِيقَيْنِ كَالْأَعْمَى وَالْأَصْمَى وَالْبَصِيرِ وَالسَّمِيعِ ۚ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا ۚ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾</p>  | 24. Bandingan dua golongan (yang kafir dan Yang beriman) itu samalah seperti orang Yang buta serta pekak, Dengan orang Yang celik serta mendengar; kedua-dua golongan itu tidaklah sama keadaannya. (setelah kamu mengetahui Yang demikian) maka tidakkah kamu mahu mengambil peringatan dan insaf?   |
| 5. | Ibrahim:<br>42 | <p>وَلَا تَحْسَبَنَّ اللَّهَ غَفِيلاً عَمَّا يَعْمَلُ الظَّالِمُونَ إِنَّمَا يُؤَخَّرُهُمْ لِيَوْمِ تَشْخَصُ فِيهِ الْأَبْصَارُ ﴿٤٢﴾</p>  | 42. Dan janganlah Engkau (Wahai Muhammad) menyangka Allah lalai akan apa Yang dilakukan oleh orang-orang Yang zalim; Sesungguhnya ia hanya melambatkan balasan mereka hingga ke suatu hari Yang padanya terbeliak kaku pandangan mereka, (kerana  |

|    |                   |   |  |
|----|-------------------|---|--|
|    |                   |   | gerun gementar melihat keadaan Yang berlaku).  |
| 6. | Al-Hijr:<br>15    | لَقَالُوا إِنَّمَا سُكِّرَتْ أَبْصَارُنَا بَلْ لَحْنُ قَوْمٍ مَّسْحُورُونَ ﴿١٥﴾   | 15. Tentulah mereka akan (mengingkari kenyataan Yang benar itu dengan) berkata: "Hanya mata Kami telah disilapkan penglihatannya bahkan Kami adalah kaum Yang telah disihirkan (oleh Muhammad)".   |
| 7. | Maryam:<br>38     | أَسْمِعْ بِهِمْ وَأَبْصِرْ يَوْمَ يَأْتُونَنَا لَكِنِ الظَّالِمُونَ الْيَوْمَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٣٨﴾   | 38. Sungguh jelas pendengaran dan penglihatan mereka Yang kafir itu semasa mereka datang mengadap Kami pada hari akhirat. tetapi orang-orang Yang zalim (dengan perbuatan kufur dan maksiat) pada masa di dunia ini, berada Dalam kesesatan Yang nyata   |
| 8. | Al-Anbiya':<br>3  | لَا هِيَءَ قُلُوبُهُمْ وَأَسْرُوا النَّجْوَى الَّذِينَ ظَلَمُوا هَلْ هَذَا إِلَّا بَشْرٌ مِّثْلَكُمِ أَفْتَاتُونَ السِّحْرَ وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ ﴿٣﴾        | 3. Dengan keadaan hati mereka leka daripada memahami dan mengamalkan maksudnya. dan orang-orang Yang zalim itu, berbisik-bisik sesama sendiri Dengan berkata: "Bukankah (Muhammad) ini hanyalah seorang manusia biasa seperti kamu? maka Patutkah kamu turut hadir mendengar sihir Yang dibawanya itu sedang kamu nampak dan mengetahui karutnya?" |
| 9. | Al-Anbiya':<br>97 | وَأَقْتَرَبَ الْوَعْدُ الْحَقُّ فَإِذَا هِيَ شَخِصَةٌ أَبْصَرُ الَّذِينَ كَفَرُوا يَوِيلَنَا قَدْ كُنَّا فِي غَفْلَةٍ مِّنْ هَذَا بَلْ كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿٩٧﴾ | 97. Dan hampirlah datangnya janji hari kiamat Yang benar, maka Dengan serta-merta pandangan mata orang-orang Yang kufur ingkar terbeliak (sambil berkata Dengan cemas): "Aduhai celakanya kami. Sesungguhnya Kami telah tinggal Dalam keadaan Yang melalaikan Kami daripada memikirkan   |

|     |                    |   |   |
|-----|--------------------|---|---|
|     |                    |   | perkara ini, bahkan Kami telah menjadi orang-orang Yang menganiaya diri sendiri".   |
| 10. | Al-Nahl:<br>108    | <p>أُولَئِكَ الَّذِينَ طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَسَمِعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ وَأُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ ﴿١٠٨﴾</p>  | 108. Mereka itulah orang-orang Yang telah dimeteraikan Allah Taala hati mereka dan pendengaran mereka serta penglihatan mereka; dan merekalah orang-orang Yang lalai.   |
| 11. | Al-Saaffat:<br>175 | <p>وَأَبْصَرَهُمْ فَسَوْفَ يُبْصِرُونَ ﴿١٧٥﴾</p>  | 175. Dan lihat (Apa Yang akan menimpa) mereka; tidak lama kemudian mereka akan melihat (Kemenangan Yang telah Kami tetapkan untukmu).   |
| 12. | Al-Saaffat:<br>179 | <p>وَأَبْصَرَ فَسَوْفَ يُبْصِرُونَ ﴿١٧٩﴾</p>  | 179. Dan lihatlah (Apa Yang akan jadi); tidak lama Kemudian, mereka pun akan melihat juga.  |
| 13. | Al-Zuhkruf:<br>51  | <p>وَنَادَى فِرْعَوْنُ فِي قَوْمِهِ قَالَ يَا قَوْمِ أَلَيْسَ لِي مُلْكُ مِصْرَ وَهَذِهِ الْأَنْهَارُ تَجْرِي مِن تَحْتِي أَفَلَا تُبْصِرُونَ ﴿٥١﴾</p>  | 51. Dan Firaun pula menyeru (dengan mengisytiharkan) kepada kaumnya, katanya: "Wahai kaumku! Bukankah kerajaan negeri Mesir ini - Akulah Yang menguasainya, dan sungai-sungai ini mengalir di bawah (istana) ku? tidakkah kamu melihatnya?  |
| 14. | Al-Jathiyah:<br>23 | <p>أَفْرَأَيْتَ مَنِ اتَّخَذَ إِلَهَهُ هَوَاهُ وَأَضَلَّهُ اللَّهُ عَلَىٰ عِلْمٍ وَخَتَمَ عَلَىٰ سَمْعِهِ وَقَلْبِهِ وَجَعَلَ عَلَىٰ بَصَرِهِ غِشَاوَةً فَمَن يَهْدِيهِ مِنْ بَعْدِ اللَّهِ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿٢٣﴾</p> | 23. Dengan Yang demikian, Bagaimana fikiranmu (Wahai Muhammad) terhadap orang Yang menjadikan hawa nafsunya: Tuhan Yang dipatuhinya, dan ia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahuinya (bahawa ia tetap kufur ingkar), dan dimeteraikan pula atas pendengarannya dan hatinya, serta diadakan lapisan penutup atas penglihatannya? maka siapakah lagi Yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya sesudah Allah (menjadikan Dia berkeadaan |

|     |                   |  |  |
|-----|-------------------|--|--|
|     |                   |  | demikian)? oleh itu, mengapa kamu (Wahai orang-orang Yang ingkar) tidak ingat dan insaf?   |
| 15. | Al-Thur:<br>15    | أَفْسِحْرٌ هَذَا أَمْ أَنْتُمْ لَا تُبْصِرُونَ ﴿١٥﴾  | 15. "Maka Adakah ini sihir juga (sebagaimana Yang kamu katakan terhadap keterangan Rasul Kami dahulu?), atau kamu tidak nampak (kenyataannya sebagaimana kamu tidak nampak di dunia dahulu akan kebenaran Rasul Kami)? |
| 16. | Al-Qalam:<br>43   | خَشِعَةً أَبْصَرُهُمْ تَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ وَقَدْ كَانُوا يُدْعَوْنَ إِلَى السُّجُودِ وَهُمْ سَلِيمُونَ ﴿٤٣﴾ | 43. Sambil pandangan mereka tunduk malu, serta mereka diliputi kehinaan; dan Sesungguhnya mereka (di dunia) dahulu telahpun diseru supaya sujud (tetapi mereka enggan) sedang mereka Dalam keadaan sihat.              |
| 17. | Al-Ma`arij:<br>11 | يُبْصِرُوهُمْ <sup>ع</sup> يَوَدُّ الْمَجْرِمُ لَوْ يَفْتَدِي مِنْ عَذَابِ يَوْمِئِذٍ بِبَنِيهِ ﴿١١﴾         | 11. Padahal masing-masing diberi melihat setengahnya Yang lain; (pada saat Yang demikian) orang Yang kafir suka kiranya dapat menebus dirinya dari azab itu Dengan anak-anaknya sendiri,                               |

Jadual 1: Pengekstrakan Kalimah Besar dan Pecahannya bagi kategori Manusia Tidak Beriman di dalam Surah Makkiyah





Rajah 2: Pengekstrakan Kalimah Basar dan Pecahannya bagi Kategori Manusia Tidak Beriman di dalam Surah Madaniyyah

Berikut adalah senarai kalimah *Basar* yang berkaitan manusia tidak beriman di dalam ayat dan surah *Madaniyyah*:

| Bil | Surah/<br>Ayat    | Ayat Al-Quran  | Terjemahan   |
|-----|-------------------|--|--|
| 1.  | Al-Baqarah:<br>7  | حَتَمَ اللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَعَلَىٰ سَمْعِهِمْ<br>وَعَلَىٰ أَبْصَارِهِمْ غِشْوَةً ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ<br>عَظِيمٌ ﴿٧﴾   | 7. (dengan sebab keingkaran mereka), Allah mematerikan atas hati mereka serta pendengaran mereka, dan pada penglihatan mereka ada penutupnya; dan bagi mereka pula disediakan azab seksa Yang amat besar.  |
| 2.  | Al-Baqarah:<br>17 | مِثْلَهُمْ كَمِثْلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا<br>أُضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ<br>وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ ﴿١٧﴾                                  | 17. Perbandingan hal mereka (golongan Yang munafik itu) samalah seperti orang Yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka Dalam gelap-gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun).   |
| 3.  | Al-Baqarah:<br>20 | يَكَادُ الْبَرْقُ تَحْطِفُ أَبْصَرَهُمْ ۖ ﴿٢٠﴾   | 20. Kilat itu pula hampir-hampir menyambar (menghilangkan) penglihatan mereka;   |
| 4.  | Al-Baqarah:<br>20 | كُلَّمَا أُضَاءَ لَهُمْ مَشَوْا فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ<br>عَلَيْهِمْ قَامُوا ۖ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَذَهَبَ<br>بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلِيُّ<br>كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾ | tiap-tiap kali Kilat itu menerangi mereka (dengan pancarannya), mereka berjalan Dalam cahayanya. dan apabila gelap menyelubungi mereka, berhentilah mereka (menunggu Dengan bingungnya). dan sekiranya Allah menghendaki, nescaya dihilangkanNya pendengaran dan penglihatan mereka; Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. |

Jadual 2: Pengekstrakan Kalimah Basar dan Pecahannya bagi Kategori Manusia Tidak Beriman di dalam Surah Madaniyyah

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada pengekstrakan kalimah *Basar* bagi kategori manusia tidak beriman dan pecahannya di dalam al-Quran, didapati bahawa bilangan kekerapan pengulangan adalah lebih tinggi di dalam surah makkiyah iaitu sebanyak 14 surah. Manakala di dalam surah madaniyyah adalah sebanyak 1 surah sahaja iaitu dalam surah al-Baqarah. Hikmah kekerapan kalimah tersebut di dalam surah Makkiyah dapat difahami berdasarkan kepada waktu penurunan ayat dan keadaan masyarakat ketika itu yang menolak untuk beriman kepada Allah SWT (Al-Buti, 1996).

Ini dapat dilihat menerusi sebahagian ayat yang menyebut kalimah *Basar* bagi manusia tidak beriman apabila ia digandingkan dengan kalimah *La*, *Ma* dan kalimah-kalimah yang menunjukkan penafian kepada keimanan kepada Allah S.W.T.

Terdapat juga kalimah Basar yang digandingkan dengan beberapa sifat lain yang menjelaskan bahawa mereka tidak melihat bukti kebenaran yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW. Sebanyak enam ayat kalimah Basar digandingkan dengan kalimah Sama'. Manakala penggunaan kalimah Basar dalam bentuk nama (اسم) terdapat sebanyak 11 kalimah dengan pelbagai pecahan, juga dalam bentuk perbuatan (فعل) terdapat lapan kalimah dengan pelbagai pecahannya. Berikut adalah beberapa contoh bagi kalimah *Basar* yang menafikan keimanan golongan kafir kepada Allah S.W.T.:

| Gandingan Kalimah              | Nama Surah/ Nombor Ayat | Ayat Al-Quran  |
|--------------------------------|-------------------------|--|
| <i>la + tubsirun</i>           | Al-Thur: 15             | أَفْسِحْرُ هَذَا أَمْ أَنْتُمْ لَا تُبْصِرُونَ ﴿١٥﴾  |
| <i>Ma + yubsirun</i>           | Hud: 20                 | أُولَئِكَ لَمْ يَكُونُوا مُعْجِزِينَ فِي الْأَرْضِ وَمَا كَانَ لَهُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ أَوْلِيَاءَ يُضْعَفُ لَهُمُ الْعَذَابُ مَا كَانُوا يَسْتَطِيعُونَ السَّمْعَ وَمَا كَانُوا يُبْصِرُونَ ﴿٢٠﴾ |
| Ghishawah Absarihim +          | Al-Baqarah: 7           | خَتَمَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَعَلَى سَمْعِهِمْ وَعَلَى أَبْصَرِهِمْ غِشْوَةً وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٧﴾   |
| Thoba <sup>a</sup> Absarihim + | Al-Nahl: 108            | أُولَئِكَ الَّذِينَ طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَسَمْعِهِمْ  |

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, artikel ini menerangkan tentang kalimah *Basar* dan pecahannya mengikut kategori manusia tidak beriman. Didapati bahawa kalimah *Basar* bukan sahaja digunakan di dalam al-Quran dengan erti kata yang asal iaitu melihat, bahkan ia turut digunakan bagi menjelaskan maksud yang *ma'nawi* iaitu penafian keimanan kepada Allah S.W.T.

Di dalam konteks ini, kalimah tersebut bukan sahaja menunjukkan sifat-sifat bagi orang-orang Kafir, Musyrik, Yahudi dan Munafik, malah digunakan dalam perumpamaan untuk menerangkan sifat berhala yang tidak mendengar, yang disembah oleh golongan kafir.

Allah SWT menerangkan di dalam ayat-ayat al-Quran akan sifat-sifat bagi golongan manusia yang tidak beriman iaitu; (i) telinga yang tidak mendengar, (ii) mata yang tidak melihat, dan (iii) hati yang tidak memahami. Hakikatnya, golongan-golongan ini walaupun diberikan nikmat mendengar, melihat dan memahami kebenaran yang disampaikan oleh para Rasul, tetapi apabila di seru ke arah kebaikan dan meninggalkan kebatilan, mereka sama sekali tidak akan melihat dan beriman dengan apa yang disampaikan.

Perkara ini berlaku atas faktor-faktor berikut iaitu; (i) degil, (ii) bongkak, dan (iii) benci. Sifat-sifat negatif ini sebenarnya yang telah menutup mata, telinga dan hati golongan-golongan ini daripada menerima seruan tersebut walaupun hakikatnya mereka telah melihat dan mendengar kebenaran itu sendiri. Oleh sebab itu, Allah SWT telah menyediakan balasan-balasan buat golongan ini bukan sahaja di dunia malah di akhirat kelak.

Di antara balasan yang telah disediakan di dunia ini ialah; (i) kehinaan, (ii) laknat daripada Allah SWT, dan (iii) tidak mendapat petunjuk, malah telah diterangkan juga di dalam ayat-ayat al-Quran tentang balasan mereka di akhirat iaitu; (i) azab neraka, (ii) tiada bantuan yang dapat menyelamatkan mereka, dan (iii) azab yang berlipat ganda.

## RUJUKAN

- Ahmad Hasan Farahat. 1983. *Al-Ummah fi Dilalatuha al-'Arabiyyah wa al-Qur`aniyyah*. `Amman: Dar `Ammar.
- Al-Baqi, Muhammad Fu`ad. 2003. *Al-Mu`jam al-Mufahras li Alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- Al-Buti, Sa`id Ramadhan. 1996. *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibrahim Mustafa et.al. t.t. *al-Mu`jam al-Wasit*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Al-Kholidiy, Solah `Abd al-Fattah. 2012. *Al-Tafsir al-Maudu`ie baina al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*. `Amman: Dar al-Nafais.

- Al-Qardhawi, Yusuf. 1989. *Al-Sabr fi al-Quran*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Qarghuliy, Khamis Sab'. *Al-Rushd wa al-Ghay fi al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Sempo, Muhammad Widus. 2018. The Word Of 'Basar' And Its Meronym In Quran: Comparative Study Between Quranic Dictionaries. IJASOS - International E-Journal of Advances in Social Sciences, Vol. IV, Issue 10, April 2018
- Al-Zamakhsyari, Mahmud bin `Umar. 2005. *Tafsir al-Kashshaf*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

## PENGHARGAAN

Kertas kerja ini mendapat sokongan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) - USIM/FRGS/FPQS/32/51814: "Model Baharu Dalam Pengekstrakan Pola Quran Berdasarkan Ontologi Tanzil Quran" dan geran Penyelidikan yang bertajuk: Pengekstrakan Pola Hadis Berdasarkan Ontologi Qawli, Fi'li, Taqriri, Wasfi Khilqi dan Wasfi Khuluqi, Kod Penyelidikan: USIM/FRGS/FPQS/32/51714.